

14/08/2003

PM harap sidang OIC mampu sedarkan dunia

Mior Kamarul Shahid

ALGIERS: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Putrajaya, Oktober ini dapat mengikis tanggapan buruk terhadap imej Islam yang selama ini sering dikaitkan dengan tindakan keganasan.

Perdana Menteri menegaskan sidang kemuncak yang akan dipengerusikannya diharap dapat menyedarkan dunia bahawa Islam sebenarnya tidak ada kaitan dengan keganasan dan pengganas.

Memberitahu sidang akhbar di akhir lawatan rasmi tiga hari ke Algeria di sini semalam, Dr Mahathir berkata, selagi punca keganasan tidak diselesaikan, selagi itulah akan wujud tindakan ganas.

Katanya, punca mencetuskan keganasan yang dikenal pasti ialah isu Palestin serta pencerobohan dan pendudukan tentera asing di Iraq.

"Negara anggota OIC tidak mempunyai pilihan selain memberi tekanan kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan negara kuasa besar dunia supaya pertubuhan itu berusaha memberhentikan punca keganasan.

"Apa juga sumbangan ke arah menyelesaikan masalah ini perlulah dialu-alukan," katanya ketika ditanya mengenai beberapa kejadian di Iraq dan pengeboman Hotel JW Marriott di Indonesia yang dikaitkan dengan pengganas Islam.

Perdana Menteri berkata, adalah jelas rakyat Iraq tidak gemar kepada pendudukan tentera Amerika Syarikat dan Britain di negara mereka. Adalah jauh lebih baik jika pendudukan itu diambil alih oleh pasukan PBB.

"Rakyat Iraq perlu dibenarkan melaksanakan hak mereka memilih kerajaan sendiri. Siapa juga dipilih untuk menerajui Iraq mestilah diterima dan dihormati dunia, sekali pun kerajaan yang dipilih rakyat Iraq tidak digemari oleh dunia," katanya.

Beliau juga berkata, pusat serantau bagi memerangi keganasan yang ditubuhkan di Malaysia serta Pusat Kajian dan Penyelidikan Afrika Mengenai Pengganas yang dicadangkan oleh Kesatuan Afrika diwujudkan di Algeria, akan dapat bekerjasama mengenai cara mengatasi masalah pengganas.

"Sebagai pusat yang mengambil berat soal pengganas, saya yakin kedua-duanya akan bertukar idea untuk membendung soal keganasan," katanya.

Mengenai lawatannya ke Algeria, Dr Mahathir berkata, beliau dan Presiden Abdelaziz Bouteflika mengenal pasti beberapa bidang kerjasama antara kedua-dua negara yang akan disusuli dengan lawatan menteri dan pegawai kanan, selain Malaysia menyediakan kemudahan latihan untuk rakyat Algeria.

Beliau berkata, penubuhan bank dari Malaysia di negara ini akan memudahkan lagi perdagangan antara kedua-dua negara serta menggalakkan syarikat Malaysia menyertai projek penswastaaan di Algeria. Selain itu, syarikat pembinaan Malaysia boleh meninjau kerja pembinaan menerusi usaha sama dengan syarikat Algeria.

Perdana Menteri memberi jaminan imbalan dagangan antara kedua-dua negara yang selama ini lebih memihak kepada Malaysia akan cuba diperbaiki dengan mengimport lebih banyak keluaran Algeria seperti marmar, pelbagai jenis batu dan produk makanan.